

Soalan Lazim

S: Apakah itu OSHC?

Overseas Student Health Cover (OSHC) membantu anda membayar khidmat hospital dan perubatan yang mungkin anda perlukan semasa belajar di Australia.

S: Kenapa saya perlukan OSHC?

Sebagai pelajar antarabangsa, visa pelajar anda disyaratkan mempunyai perlindungan OSHC sepanjang tempoh anda berada di Australia.

S: Bagaimana ahm OSHC melindungi saya?

Kami akan membayar khidmat berikut tapi penting untuk anda menghubungi kami sebelum menjalani sebarang rawatan besar, terutamanya jika dimasukkan ke hospital:

Doktor

Kami akan lindungi 100% bayaran Medicare Benefits Schedule (MBS) untuk khidmat doktor (doktor boleh memilih untuk mengenakan caj melebihi MBS) dan 85% daripada bayaran semua khidmat luar hospital yang lain.

Hospital*

Termasuk penginapan, bayaran pembedahan, khidmat hari yang sama, khidmat kemalangan dan kecemasan dan khidmat perubatan pesakit luar dan pasca pembedahan.

Ubat preskripsi

Anda bayar yuran Medicare Benefits Schedule (MBS) dan kami bayar bakinya sehingga \$50 bagi setiap perkara.

Patologi dan X-ray

Pengangkutan ambulans kecemasan

Alat prostesis (seperti lutut buatan).

Maklumat lengkap faedah ahm OSHC ada dinyatakan dalam Polisi OSHC.

***NOTA:** Jika anda memohon visa pelajar sebelum datang ke Australia, terdapat waktu menunggu selama 12 bulan untuk khidmat rawatan yang melibatkan keadaan kesihatan sedia ada yang dialami oleh anda atau tanggungan anda sebelum tiba di Australia.

Jika anda memohon visa pelajar semasa berada di Australia, anda perlu menunggu selama 12 bulan untuk pembayaran khidmat rawatan yang melibatkan keadaan kesihatan sedia ada yang dialami oleh anda atau tanggungan anda dalam tempoh 12 bulan sebelum membeli ahm OSHC.

Jika anda dirawat untuk keadaan kesihatan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama keahlian, anda perlu membayar sendiri rawatan tersebut.

Jika anda berpindah dari dana lain ke ahm, kami akan mengambil kira tempoh masa anda bersama dana tersebut.

S: Bagaimana dengan pergigian dan optik?

Anda boleh membeli perlindungan tambahan untuk menerima faedah untuk khidmat lain seperti pergigian, optik, fisioterapi dan kiropraktik. Anda boleh memilih **ahm OSHC Basics Extras** atau **ahm OSHC Family Extras**.

Perlindungan ini tidak memenuhi syarat visa anda dan hanya boleh dibeli sebagai tambahan kepada ahm OSHC.

Tertakluk kepada waktu menunggu.

S: Bagaimana untuk membuat tuntutan?

Ada beberapa cara mudah untuk membuat tuntutan dan kami boleh depositkan faedah anda ke dalam akaun atau poskan cek kepada anda.

Dalam Talian atau Telefon

Anda perlu nyatakan akaun untuk kami depositkan faedah anda. Untuk membuat tuntutan, log masuk ke khidmat keahlian di www.ahm.com.au/oshc atau telefon **134 246**. Nyatakan perincian tuntutan dan faedah akan didepositkan dalam 48 jam. Hantarkan resit kepada kami kemudian.

Pos

Poskan borang tuntutan dan resit anda ke: ahm OSHC, Locked Bag 1006, Matraville NSW 2036.

S: Bila saya akan mendapat kad keahlian?

Anda akan menerima kad keahlian dari tempat pengajian anda beberapa hari selepas menjadi ahli ahm OSHC.

S: Bagaimana jika kehilangan kad keahlian?

Log masuk ke khidmat keahlian di www.ahm.com.au/oshc dan pesan semula kad anda atau telefon kami.

S: Bagaimana untuk mendaftar dengan ahm OSHC?

Dalam talian: Isi permohonan dalam talian di www.ahm.com.au/oshc

Telefon: Telefon **134 246**

Pos: Poskan borang permohonan anda ke **ahm OSHC**
Locked Bag 1006
Matraville NSW 2036

S: Bagaimana jika saya perlukan bantuan?

Dengan ahm OSHC, anda mempunyai akses kepada:

Talian bantuan kecemasan 24/7

Bagi bantuan perubatan, khidmat jurubahasa dan kaunseling stres dan trauma, hubungi talian bebas tol 1800 006 745

Maklumat penting

Kemas kini maklumat perhubungan anda

Maklumkan kami jika anda berpindah. Untuk kemas kini maklumat peribadi, log masuk ke khidmat keahlian di www.ahm.com.au/oshc atau telefon **134 246**.

Pastikan OSHC anda adalah terkini

Department of Immigration and Multicultural Affairs (DIAC) mensyaratkan pelawat dengan visa pelajar agar memiliki Overseas Student Health Cover sepanjang tempoh berada di Australia. Sekiranya anda biarkan perlindungan anda luput, anda perlu membayar tunggakan bagi tempoh yang tidak dilindungi dan anda tidak boleh membuat sebarang tuntutan. Ini bermaksud anda perlu membayar sendiri perbelanjaan hospital dan perubatan yang agak mahal.

Bagaimana untuk hubungi kami

Telefon: (+61) 134 246

Dalam talian: www.ahm.com.au/oshc

E-mel: oshc@ahm.com.au